



KEMENTERIAN KOMUNIKASI
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

SIARAN MEDIA

ADVISORY TATACARA PENGENDALIAN BAGI AKTIVITI PENGUMPULAN, PEMROSESAN DAN PENYIMPANAN DATA PERIBADI OLEH PREMIS PERNIAGAAN SEMASA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) DILULUSKAN

PUTRAJAYA, 29 MEI 2020 - Mesyuarat Khas Menteri-Menteri Mengenai Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah diadakan pada 21 Mei 2020 (Khamis) telah meluluskan cadangan Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) berkenaan *advisory* tatacara pengendalian bagi aktiviti pengumpulan, pemprosesan dan penyimpanan data peribadi oleh premis perniagaan semasa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

SEMUA PREMIS PERNIAGAAN YANG TELAH DIBENARKAN UNTUK BEROPERASI SEMASA PKPB perlu mematuhi sepenuhnya tatacara berkenaan seperti berikut:

- (i) Hanya menyatakan **nama, nombor telefon yang boleh dihubungi dan tarikh serta masa kehadiran pengunjung/pelanggan untuk direkodkan;**
- (ii) Kaedah pengumpulan adalah tertakluk kepada premis perniagaan (manual atau digital);
- (iii) Paparan notis di tempat yang mudah dilihat sebagai makluman kepada pengunjung/pelanggan mengenai tujuan pengumpulan data peribadi;
- (iv) Penggunaan dokumen khusus bagi kaedah secara manual mengikut format dan direkodkan sendiri oleh kakitangan premis perniagaan;
- (v) Data peribadi yang dikumpul hanya digunakan bagi tujuan pengesanan kontak selaras dengan Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) ;

- (vi) Had masa penyimpanan data peribadi yang dikumpulkan adalah sehingga selepas 6 bulan PKPB ditamatkan dan mesti dimusnahkan dan dipadamkan secara kekal; dan
- (vii) Premis perniagaan perlu memastikan bahawa data peribadi yang diambil mestilah tepat dan tidak mengelirukan.

Kegagalan mana-mana premis perniagaan untuk mematuhi perkara ini dan sekiranya disabitkan di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 [*Akta 709*], boleh didenda maksimum RM300,000.00 atau dipenjarakan dua (2) tahun atau kedua-duanya sekali.

Bagi sebarang aduan yang berkaitan dengan pelaksanaan *advisory* ini boleh diajukan melalui **Sistem Perlindungan Data Peribadi (SPDP)** seperti pada pautan <https://daftar.pdp.gov.my>.

Walau bagaimanapun, pelaksanaan *advisory* ini juga adalah tertakluk kepada sebarang penetapan baharu oleh Kerajaan Malaysia dari semasa ke semasa.

Justeru, orang ramai tidak perlu khuatir untuk memberikan data peribadi mereka kepada mana-mana premis perniagaan bagi tujuan pengesanan kontak dan KKMM akan menjalankan pemantauan secara berterusan.

KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

*Dikeluarkan oleh:
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Komunikasi dan Multimedia*

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi talian Hotline JPDP di talian 03-89117899 atau talian Hotline KKMM di talian 03-89115351/5188/5258/5265